

11/12/2000

Remaja sokong pandangan Ibrahim Ali

Remaja Hari Ini

SAYA ingin menyuarakan pendapat sama seperti yang disuarakan Ibrahim Ali dari Terengganu.

Memang tidak dinafikan, penyokong Pas mempamerkan sifat fanatik dan keangkuhan mereka yang keterlaluan. Mungkin, mereka ingat mereka lebih Islam daripada penyokong Umno bila menjadi ahli Pas.

Saya pernah cuba membeli akhbar Harakah dan juga memasuki laman web Harakah, tetapi cuma untuk seketika.

Sebabnya, saya tidak sanggup membaca mengenai apa yang mereka tulis dan dengan senang menggelarkan penyokong Umno kafir. Tidak cukup dengan itu, mereka menggelarkan Perdana Menteri kita dengan pelbagai gelaran yang tidak baik. Itukah sifat seorang Islam?. Apa hak mereka untuk menjatuhkan neraka buat ahli Umno. Adakah sudah pasti ahli Pas akan masuk syurga semuanya.

Itu semua adalah ketentuan Allah swt, bukannya pada tangan pemimpin Pas. Susah untuk memberi penerangan kepada orang yang tertutup pintu hatinya walaupun mereka tahu apa yang dibuat oleh pemimpin mereka melanggar batasan agama.

Saya sentiasa berdoa semoga negara kita sentiasa aman dan makmur di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Barisan Nasional. Hidup Umno. Hidup Barisan Nasional.